6 April 2017
6 April 2017
P.U. (A) 112

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (BROKER INSURANS MARIN, PENERBANGAN DAN TRANSIT YANG DILULUSKAN) 2017

FINANCIAL SERVICES (APPROVED MARINE, AVIATION AND TRANSIT INSURANCE BROKERS) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (BROKER INSURANS MARIN, PENERBANGAN DAN TRANSIT YANG DILULUSKAN) 2017

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Perniagaan pembrokeran insurans MAT di bawah Peraturan-Peraturan
4. Kelulusan oleh Bank
5. Syarat kelulusan tambahan
6. Pembatalan kelulusan
7. Pemberhentian perniagaan secara sukarela
8. Kesan pembatalan atau pemberhentian
9. Fi tahunan
10. Pendedahan oleh broker insurans MAT yang diluluskan
11. Akaun premium pembrokeran insurans MAT
12. Rundingan dan penempatan risiko
13. Pengemukaan diri sebagai broker insurans MAT yang diluluskan
14. Sekatan penggunaan perkataan “broker insurans MAT yang diluluskan”
15. Kuasa Bank untuk mengeluarkan arahan
16. Kewajipan untuk mengemukakan dokumen atau maklumat kepada Bank
17. Perakuan wang yang diterima, dsb.
18. Pembatalan
19. Kecualian berkenaan dengan kelulusan yang diberikan di bawah Peraturan- Peraturan yang dibatalkan

JADUAL

Copyright of the Attorney General’s Chambers of Malaysia

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (BROKER INSURANS MARIN, PENERBANGAN DAN TRANSIT YANG DILULUSKAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 260(2) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], Menteri, atas syor Bank, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kewangan (Broker Insurans Marin, Penerbangan dan Transit yang Diluluskan) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 7 April 2017.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

"broker insurans Labuan" mempunyai pengertian yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 101 Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [*Akta 704*];

"broker insurans MAT yang diluluskan" ertinya broker insurans yang ditetapkan atau broker insurans Labuan yang diluluskan di bawah peraturan 4;

"broker insurans yang ditetapkan" ertinya seseorang yang dilesenkan, diluluskan, didaftarkan atau dikawal selia selainnya di bawah undang-undang mana-mana negara yang ditetapkan untuk menjalankan perniagaan pembrokeran insurans di negara tersebut;

"insurans MAT" mempunyai pengertian yang sama yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kewangan (Penanggung Insurans Marin, Penerbangan dan Transit yang Diluluskan) 2017 [*P.U. (A) 111/2017*];

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

"Malaysia" tidak termasuk Wilayah Persekutuan Labuan;

"negara yang ditetapkan" ertinya sebuah negara atau wilayah yang dinyatakan dalam Jadual;

"penanggung insurans Labuan" mempunyai pengertian yang sama diberikan kepadanya dalam seksyen 101 Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010;

"penanggung insurans yang ditetapkan" mempunyai pengertian yang sama yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kewangan (Penanggung Insurans Marin, Penerbangan dan Transit yang Diluluskan) 2017;

"Peraturan-Peraturan yang dibatalkan" ertinya Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kewangan (Broker Insurans Marin, Penerbangan dan Transit Antarabangsa yang Diluluskan) 2012 [*P.U. (A) 169/2012*]; dan

"pihak berkuasa penyeliaan" ertinya pihak berkuasa, badan atau agensi yang bertanggungjawab bagi penyeliaan dan pengawasan broker insurans yang ditetapkan atau broker insurans Labuan.

Perniagaan pembrokeran insurans MAT di bawah Peraturan-Peraturan

3. (1) Broker insurans yang ditetapkan tidak boleh menjalankan perniagaan untuk memberikan insurans MAT sebagai broker insurans, kepada orang di Malaysia dari luar Malaysia melainkan jika broker insurans yang ditetapkan itu—

(a) merupakan broker insurans MAT yang diluluskan di bawah peraturan 4; dan

(b) tidak mempunyai apa-apa kehadiran perdagangan di Malaysia bagi maksud menjalankan perniagaan itu.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Broker insurans Labuan tidak boleh menjalankan perniagaan pembrokeran insurans berkenaan dengan insurans MAT di Malaysia melainkan jika broker insurans Labuan itu—

(a) dikecualikan di bawah seksyen 199 Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 daripada pemakaian subseksyen 114(3) Akta itu berkenaan dengan perniagaan insurans domestik; dan

(b) merupakan broker insurans MAT yang diluluskan di bawah peraturan 4.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit.

Kelulusan oleh Bank

4. (1) Broker insurans yang ditetapkan atau broker insurans Labuan boleh memohon secara bertulis kepada Bank untuk menjadi broker insurans MAT yang diluluskan, dan hendaklah mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Bank, termasuk kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa penyeliaannya untuk ia menjalankan perniagaan sebagai broker insurans MAT yang diluluskan.

(2) Dalam menilai suatu permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1), Bank boleh mengambil kira apa-apa faktor yang difikirkan oleh Bank berkaitan dan Bank boleh—

(a) tertakluk kepada subperaturan (3), meluluskan permohonan itu, dengan atau tanpa syarat; atau

(b) menolak permohonan itu.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(3) Bank tidak boleh meluluskan mana-mana permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) melainkan jika pemohon itu mempunyai—

(a) modal berbayar sebanyak satu juta ringgit atau suatu jumlah bersamaan dalam mata wang negara yang ditetapkan di mana pemohon itu dilesenkan, diluluskan, didaftarkan atau dikawal selia selainnya; dan

(b) polisi insurans tanggung rugi profesional yang berkuat kuasa, bersih selepas deduktibel, sebanyak sekurang-kurangnya satu juta ringgit atau suatu jumlah bersamaan dalam mata wang negara yang ditetapkan di mana pemohon itu dilesenkan, diluluskan, didaftarkan atau dikawal selia selainnya, berkenaan dengan perniagaan pembrokeran insuransnya.

(4) Jika Bank meluluskan permohonan di bawah perenggan (2)*(a)*, broker insurans MAT yang diluluskan itu hendaklah memulakan perniagaannya sebagai broker insurans MAT yang diluluskan dalam tempoh yang dinyatakan dalam kelulusan itu atau apa-apa tempoh yang dilanjutkan oleh Bank, dan hendaklah memberitahu Bank tarikh memulakan perniagaan itu.

(5) Setelah diluluskan di bawah perenggan (2)*(a)*, broker insurans MAT yang diluluskan yang merupakan broker insurans yang ditetapkan hendaklah memberikan kuasa kepada ejen tempatan di Malaysia untuk menerima penyampaian apa-apa notis dan proses undang-undang berkenaan dengan, dan berkaitan dengan perniagaannya itu, termasuk apa-apa notis atau arahan yang dikeluarkan oleh Bank, dan mengemukakan kepada Bank nama, alamat dan perincian yang lain ejen yang diberi kuasa itu yang ditentukan oleh Bank.

(6) Broker insurans MAT yang diluluskan hendaklah pada setiap masa—

(a) mengekalkan modal berbayar yang disebut dalam perenggan (3)*(a)*; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) mempunyai suatu polisi insurans tanggung rugi profesional yang berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (3)*(b)*.

Syarat kelulusan tambahan

5. (1) Bank boleh pada bila-bila masa secara bertulis, meminda atau membatalkan apa-apa syarat kelulusan yang sedia ada yang dikenakan di bawah perenggan 4(2)*(a)* atau mengenakan apa-apa syarat baharu ke atas kelulusan itu.

(2) Broker insurans MAT yang diluluskan hendaklah mematuhi apa-apa syarat kelulusan yang dikenakan oleh Bank di bawah subperaturan (1), atau perenggan 4(2)*(a)* atau 6(3)*(b)*.

Pembatalan kelulusan

6. (1) Bank boleh membatalkan kelulusan yang diberikan kepada broker insurans MAT yang diluluskan di bawah peraturan 4 sekiranya—

(a) broker insurans MAT yang diluluskan itu tidak memulakan perniagaannya sebagai broker insurans MAT yang diluluskan dalam tempoh yang dinyatakan dalam kelulusan yang disebut dalam perenggan 4(2)*(a)*, atau selepas memulakan perniagaan itu, broker insurans MAT yang diluluskan telah gagal untuk membuat apa-apa kontrak pembrokeran insurans MAT dalam masa dua puluh empat bulan dari tarikh memulakan perniagaannya;

(b) broker insurans MAT yang diluluskan itu telah terhenti daripada menjalankan perniagaan sebagai broker insurans MAT yang diluluskan;

(c) broker insurans MAT yang diluluskan itu telah terhenti daripada dilesenkan, diluluskan, didaftarkan atau dikawal selia selainnya sebagai broker insurans oleh pihak berkuasa penyeliaannya;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(d) broker insurans MAT yang diluluskan itu telah melanggar atau memungkiri mana-mana peruntukan Akta atau Peraturan-Peraturan ini, atau gagal mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan atau apa-apa arahan yang diberikan oleh Bank di bawah Akta atau Peraturan-Peraturan ini, tidak kira sama terdapat apa-apa pendakwaan atau tindakan lain yang telah diambil oleh Bank berkenaan dengan pelanggaran, kemungkiran atau ketidakpatuhan itu;

(e) broker insurans MAT yang diluluskan itu telah mengemukakan maklumat palsu, mengelirukan, tidak tepat atau tidak lengkap dalam permohonannya untuk kelulusan di bawah subperaturan 4(1);

(f) broker insurans MAT yang diluluskan itu telah menjadi tidak berkeupayaan untuk memenuhi apa-apa obligasinya, sama ada di Malaysia atau tempat lain;

(g) broker insurans MAT yang diluluskan itu—

(i) telah dilikuidasikan; atau

(ii) telah digulung atau selainnya dibubarkan;

(h) seorang penerima, penerima dan pengurus, pengurus kehakiman, atau mana-mana orang lain yang mempunyai kuasa dan kewajipan sebagai seorang penerima, penerima dan pengurus atau pengurus kehakiman, telah dilantik, sama ada di Malaysia atau tempat lain, berhubung dengan, atau berkenaan dengan apa-apa harta, broker insurans MAT yang diluluskan itu;

(i) pada pendapat Bank, broker insurans MAT yang diluluskan itu sedang melakukan atau akan melakukan suatu perbuatan, atau

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

sedang menuruti atau akan menuruti apa-apa penjalanan pelakuan, yang tidak selamat atau tidak wajar atau telah gagal untuk melakukan suatu perbuatan atau menuruti penjalanan pelakuan yang perlu untuk mengekalkan keselamatan dan kekukuhan broker insurans MAT yang diluluskan itu, sama ada di Malaysia atau tempat lain;

(j) milikan harta broker insurans MAT yang diluluskan itu telah diambil oleh atau bagi pihak pemegang debentur menurut suatu gadaian atas harta itu, sama ada di Malaysia atau tempat lain;

(k) pada pendapat Bank, broker insurans MAT yang diluluskan itu sedang menjalankan perniagaan dengan cara yang memudaratkan pemunya polisi atau pemunya polisi yang diniatkan, sama ada di Malaysia atau tempat lain; atau

(l) pada pendapat Bank, adalah demi kepentingan orang awam untuk berbuat sedemikian.

(2) Bank hendaklah, sebelum membatalkan kelulusan di bawah subperaturan (1)—

(a) melalui notis secara bertulis memberitahu niat Bank untuk membatalkan kelulusan broker insurans MAT yang diluluskan itu dan alasan bagi pembatalan itu; dan

(b) memberikan peluang kepada broker insurans MAT yang diluluskan itu membuat representasi bertulis kepada Bank sebab kelulusannya tidak harus dibatalkan, dan menyatakan tempoh yang representasi bertulis itu boleh dibuat.

(3) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis yang disebut dalam perenggan (2)*(b),* dan selepas mempertimbangkan apa-apa representasi bertulis yang

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

dibuat di bawah perenggan itu, jika ada, Bank hendaklah memutuskan sama ada untuk—

(a) meneruskan untuk membatalkan kelulusan itu;

(b) mengambil apa-apa tindakan lain, termasuk mengenakan apa-apa syarat atau sekatan atas kelulusan itu; atau

(c) tidak mengambil tindakan selanjutnya.

(4) Jika Bank memutuskan untuk membatalkan kelulusan di bawah perenggan (3)*(a)*—

(a) Bank hendaklah memberi broker insurans MAT yang diluluskan itu notis bertulis mengenai keputusan yang berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu;

(b) broker insurans MAT yang diluluskan itu hendaklah dengan serta-merta terhenti daripada menjalankan perniagaan sebagai broker insurans MAT yang diluluskan pada tarikh yang dinyatakan dalam notis yang disebut dalam perenggan 4*(a)*; dan

(c) Bank boleh menyiarkan suatu notis pembatalan kelulusan itu mengikut apa-apa bentuk yang difikirkan sesuai oleh Bank.

Pemberhentian perniagaan secara sukarela

7. (1) Broker insurans MAT yang diluluskan boleh berhenti menjalankan perniagaan sebagai broker insurans MAT yang diluluskan dengan memberikan notis bertulis terdahulu kepada Bank menyatakan niatnya untuk berhenti menjalankan perniagaan itu dan sebab bagi pemberhentian itu.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Notis bertulis yang disebut dalam subperaturan (1) diberikan oleh broker insurans MAT yang diluluskan kepada Bank sekurang-kurangnya sembilan puluh hari sebelum ia berniat untuk menghentikan perniagaan itu.

(3) Broker insurans MAT yang diluluskan itu hendaklah serta-merta berhenti menjalankan perniagaan itu pada tarikh pemberhentian yang ia berniat untuk menghentikan perniagaan itu sebagaimana yang dinyatakan dalam notis bertulis yang disebut dalam subperaturan (1).

(4) Bank boleh menyiarkan suatu notis pemberhentian perniagaan berkenaan dengan broker insurans MAT yang diluluskan yang disebut dalam subperaturan (1) mengikut apa-apa bentuk yang difikirkan sesuai oleh Bank.

Kesan pembatalan atau pemberhentian

8. (1) Broker insurans MAT yang diluluskan yang kelulusannya telah dibatalkan di bawah peraturan 6 atau yang telah secara sukarela terhenti menjalankan perniagaan sebagai Broker insurans MAT yang diluluskan di bawah peraturan 7 hendaklah terus tertakluk kepada Akta dan Peraturan-Peraturan ini pada takat yang sama sebagaimana sebelum kelulusannya dibatalkan atau pemberhentian perniagaannya secara sukarela, dan hendaklah terus menunaikan obligasinya, atau membuat perkiraan yang mencukupi untuk menunaikan obligasinya, selagi obligasi itu belum selesai atau ditunaikan, atau diperuntukkan selainnya sehingga Bank berpuas hati.

(2) Pembatalan kelulusan di bawah peraturan 6 atau pemberhentian perniagaan secara sukarela di bawah peraturan 7 tidak boleh berfungsi untuk—

(a) mengelak atau menjejaskan mana-mana perjanjian, perkiraan atau transaksi yang dibuat antara mana-mana orang dengan broker insurans itu sepanjang tempoh ia menjadi broker insurans MAT yang diluluskan; atau

(b) menjejaskan apa-apa hak, obligasi atau liabiliti yang berbangkit di bawah mana-mana perjanjian, perkiraan atau transaksi itu.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Fi tahunan

9. (1) Broker insurans MAT yang diluluskan hendaklah membayar fi tahunan sebanyak dua ribu ringgit kepada Bank pada atau sebelum 15 Disember setiap tahun.

(2) Bank boleh mengecualikan, secara keseluruhan atau sebahagian, mana-mana broker insurans MAT yang diluluskan daripada pembayaran fi tahunan di bawah subperaturan (1).

Pendedahan oleh broker insurans MAT yang diluluskan

10. (1) Broker insurans MAT yang diluluskan tidak boleh mempelawa mana-mana orang di Malaysia untuk membuat suatu tawaran atau cadangan untuk membuat suatu kontrak insurans tanpa mendedahkan kepada orang itu semua maklumat yang material termasuk—

(a) nama perniagaan, alamat perniagaan, laman sesawang (sekiranya ada), alamat e-mel dan nombor telefonnya;

(b) fakta bahawa broker insurans MAT yang diluluskan itu tidak diluluskan di bawah subseksyen 11(2) Akta untuk menjalankan perniagaan pembrokeran insurans, tetapi hanya diluluskan oleh Bank untuk menjalankan perniagaan pembrokeran insurans berkenaan dengan MAT insurans di bawah Peraturan-Peraturan ini, dengan pengawasan terhad oleh Bank;

(c) fakta bahawa broker insurans MAT yang diluluskan itu menjalankan perniagaan sebagai broker insurans MAT yang diluluskan dari luar Malaysia dan tidak mempunyai apa-apa kehadiran perdagangan di Malaysia;

(d) nama penanggung insurans itu;

(e) hubungan broker insurans MAT yang diluluskan itu dengan penanggung insurans itu;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(f) premium yang dikenakan oleh penanggung insurans itu;

(g) fakta bahawa apa-apa aduan boleh diajukan kepada broker insurans MAT yang diluluskan itu; dan

(h) apa-apa maklumat lain yang ditentukan oleh Bank.

(2) Perenggan (1)*(c)* tidak terpakai bagi broker insurans MAT yang diluluskan yang merupakan broker insurans Labuan.

Akaun premium pembrokeran insurans MAT

11. (1) Mana-mana broker insurans MAT yang diluluskan yang menerima atau memungut apa-apa premium di Malaysia hendaklah mewujudkan dan menyenggara suatu akaun yang berasingan dengan—

(a) suatu bank berlesen di bawah Akta;

(b) suatu bank yang setara dalam negara yang ditetapkan di mana broker insurans MAT yang diluluskan itu dilesenkan, diluluskan, didaftarkan atau dikawal selia selainnya; atau

(c) suatu bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010.

(2) Broker insurans MAT yang diluluskan itu hendaklah membayar ke dalam akaun bank yang disenggarakan olehnya di bawah subperaturan (1) semua wang yang diterima olehnya—

(a) daripada atau bagi pihak pemunya polisi atau pemunya polisi yang diniatkan bagi atau atas akaun penanggung insurans yang berkaitan dengan suatu kontrak insurans atau kontrak insurans yang dicadangkan; atau

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) daripada atau bagi pihak penanggung insurans bagi atau atas akaun pemunya polisi atau pemunya polisi yang diniatkan.

(3) Broker insurans MAT yang diluluskan itu hendaklah membuat pembayaran—

(a) premium yang diterima atau dipungut semasa menjalankan perniagaan sebagai broker insurans MAT yang diluluskan kepada penanggung insurans tidak lewat daripada lima belas hari dari tarikh premium itu diterima atau dipungut; dan

(b) wang yang kena dibayar kepada orang yang menuntut dalam masa lima belas hari dari tarikh wang itu diterima.

(4) Broker insurans MAT yang diluluskan itu hendaklah menetapkan apa-apa akaun bank yang disenggarakan olehnya di bawah subperaturan (1) sebagai suatu akaun premium pembrokeran insurans MAT, dengan atau tanpa perihalan perkataan selainnya.

(5) Bagi maksud peraturan ini dan peraturan 17, "wang" ertinya apa-apa jumlah yang diterima oleh suatu broker insurans MAT yang diluluskan sebagai ejen bagi pemunya polisi atau pemunya polisi yang diniatkan, termasuklah wang polisi, premium dan bayaran tuntutan.

Rundingan dan penempatan risiko

12. Tiada broker insurans MAT yang diluluskan boleh, semasa menjalankan perniagaan sebagai broker MAT insurans yang diluluskan, merunding atau menempatkan apa-apa kontrak insurans dengan apa-apa penanggung insurans selain daripada penanggung insurans yang ditetapkan, penanggung insurans Labuan atau penanggug insurans yang dilesenkan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Pengemukaan diri sebagai broker insurans MAT yang diluluskan

13. (1) Tiada seorang pun boleh mengemukakan dirinya sebagai broker insurans MAT yang diluluskan melainkan jika orang itu diluluskan di bawah peraturan 4.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit.

Sekatan penggunaan perkataan "broker insurans MAT yang diluluskan"

14. (1) Tiada seorang pun, melainkan jika ia diluluskan di bawah peraturan 4, boleh—

(a) dalam nama, perihalan atau gelarannya yang di bawahnya orang itu menjalankan perniagaan atau melakukan perniagaannya, menggunakan perkataan "broker insurans MAT yang diluluskan" atau apa-apa terbitan perkataan itu dalam apa-apa bahasa atau apa-apa perkataan lain dalam apa-apa bahasa yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan penjalanan perniagaan sebagai broker insurans MAT yang diluluskan; atau

(b) membuat apa-apa representasi yang mempunyai kesan tersebut dalam apa-apa dokumen yang berhubungan dengan perniagaannya atau dokumen yang digunakan dalam penjalanan perniagaannya atau dalam apa-apa cara lain walau apa jua.

(2) Broker insurans MAT yang diluluskan hanya boleh menggunakan perkataan "broker insurans MAT yang diluluskan" untuk menunjukkan bahawa ia menjalankan perniagaan sebagai broker insurans MAT yang diluluskan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Kuasa Bank untuk mengeluarkan arahan

15. (1) Bank boleh mengeluarkan apa-apa arahan kepada broker insurans MAT yang diluluskan sekiranya Bank berpendapat adalah perlu untuk melindungi kepentingan pemunya polisi atau orang awam secara am, dan khususnya, boleh menghendaki broker insurans MAT yang diluluskan itu, untuk berhenti atau menahan daripada melakukan suatu perbuatan atau menuruti penjalanan pelakuan atau melakukan apa-apa perbuatan, berhubung dengan perniagaan yang dijalankan sebagai broker insurans MAT yang diluluskan, dan apa-apa hal ehwal atau harta yang berkaitan dengan perniagaan itu.

(2) Bank boleh, atas representasi yang dibuat kepadanya atau atas usulnya sendiri, mengubah suai atau membatalkan apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) dan, dalam melakukan hal sedemikian, boleh mengenakan syarat ke atas broker insurans MAT yang diluluskan itu.

(3) Broker insurans MAT yang diluluskan itu hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Bank di bawah subperaturan (1) atau (2), atau apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subperaturan (2).

Kewajipan untuk mengemukakan dokumen atau maklumat kepada Bank

16. (1) Broker insurans MAT yang diluluskan hendaklah mengemukakan kepada Bank apa-apa dokumen atau maklumat, termasuk apa-apa dokumen atau maklumat berhubung dengan perniagaan yang dijalankan olehnya sebagai broker insurans MAT yang diluluskan, mengikut apa-apa bentuk dan cara, dan dalam apa-apa tempoh masa, sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(2) Broker insurans MAT yang diluluskan yang dikehendaki untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat di bawah subperaturan (1) tidak boleh mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat—

(a) yang broker insurans MAT yang diluluskan itu mengetahuinya, atau mempunyai sebab untuk mempercayai, adalah palsu atau mengelirukan dalam butir material; atau

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) yang tidak tepat atau tidak lengkap berkenaan dengan kesalahan atau peninggalan material, atau apa-apa kesalahan atau peninggalan berulang.

(3) Mana-mana broker insurans MAT yang diluluskan yang melanggar perenggan 2*(a)* melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit.

Perakuan wang yang diterima, dsb.

17. (1) Broker insurans MAT yang diluluskan hendaklah, dalam masa tiga bulan dari berakhirnya setiap tahun kewangan atau dalam apa-apa tempoh selanjutnya yang dibenarkan oleh Bank—

(a) menyediakan dan menyerahsimpan dengan Bank suatu perakuan bebas mengenai semua wang yang diterima semasa ia menjalankan perniagaan sebagai broker insurans MAT yang diluluskan, termasuk apa-apa premium yang diterima atau dipungut di Malaysia yang telah dibayar ke dalam akaun pembrokeran premium yang diwujudkan di bawah subperaturan 11(1); dan

(b) memberikan pengesahan bertulis mengenai kepatuhannya dengan kehendak modal berbayar dan polisi insurans tanggung rugi profesional dalam subperaturan 4(6),

bagi tahun kewangan itu dalam apa-apa bentuk atau cara yang ditentukan oleh Bank.

(2) Perakuan dan pengesahan bertulis yang disebut dalam subperaturan (1) dan (2) hendaklah dalam bahasa Inggeris atau sekiranya perakuan dan pengesahan itu dalam bahasa yang lain, hendaklah diperakukan sebagai terjemahan sebenar daripada yang asal oleh seorang penterjemah yang terperaku.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Pembatalan

18. Peraturan-Peraturan Insurans (Broker Insurans Marin, Penerbangan dan Transit Antarabangsa yang Diluluskan) 2012 [*P.U. (A) 169/*2012] dibatalkan.

Kecualian berkenaan dengan kelulusan yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan Insurans (Broker Insurans Marin, Penerbangan dan Transit Antarabangsa yang Diluluskan) 2012 yang dibatalkan

19. (1) Apa-apa kelulusan yang diberikan oleh Bank di bawah peraturan 4, Peraturan-Peraturan yang dibatalkan untuk seseorang menjalankan perniagaan sebagai broker insurans MAT yang diluluskan dan berkuat kuasa atau mempunyai kesan sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, hendaklah disifatkan sebagai suatu kelulusan yang diberikan di bawah perenggan 4(2)*(a)* kepada orang itu untuk menjalankan perniagaan sebagai broker insurans MAT yang diluluskan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), kelulusan yang disifatkan di bawah subperaturan (1) hendaklah tertakluk kepada perenggan 4(4)*(a)* dan *(b)* Peraturan-Peraturan ini berhubung dengan modal berbayarnya dan polisi insurans tanggung rugi profesionalnya.

(3) Semua syarat yang dikenakan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan dan berkuat kuasa atau mempunyai kesan sebelum tarikh mula kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, hendaklah disifatkan telah dikenakan di bawah Peraturan-Peraturan ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan berhubung dengan orang itu yang baginya syarat itu terpakai sehingga dipinda atau dibatalkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(4) Apa-apa kuasa, izin, keputusan, arahan, pengecualian, notis, perintah, kebenaran, syor, kehendak, spesifikasi atau apa-apa aktiviti eksekutif yang lain yang diberi atau dibuat di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah disifatkan telah diberi atau dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan berhubung dengan orang itu yang baginya kuasa, izin, keputusan, arahan, pengecualian, notis, perintah, kebenaran, syor, kehendak, spesifikasi

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

atau apa-apa aktiviti eksekutif yang lain itu terpakai sehingga dipinda atau dibatalkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL

NEGARA-NEGARA YANG DITETAPKAN

Negara-Negara Anggota Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara yang merupakan penandatangan kepada Protokol Bagi Melaksanakan Pakej Ketujuh Komitmen Perhidmatan Kewangan di bawah Perjanjian Rangka Kerja Mengenai Perkhidmatan ASEAN bertarikh 23 Jun 2016

Dibuat 4 April 2017
[KK/SID/(S)/9/437/1/2012(SK.2)*;* PN(PU2)718/V]

DATUK SERI JOHARI ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

FINANCIAL SERVICES ACT 2013

FINANCIAL SERVICES (APPROVED MARINE, AVIATION AND TRANSIT INSURANCE BROKERS) REGULATIONS 2017

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
